

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PARAMETER PENENTUAN ASNAF
'MISKIN SEMENTARA': ANALISIS
SEMASA PANDEMIK COVID-19**

AININA MARDHIYAH BINTI HISHAMUDDIN

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Sarjana
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

MEI 2023

ABSTRAK

Pandemik virus korona atau virus COVID-19 yang melanda seluruh negara memberi impak yang besar kepada pelbagai aspek terutamanya aspek ekonomi. Virus COVID-19 ini sangat bahaya dan boleh menjangkiti manusia sehingga boleh menyebabkan berlakunya kematian. Kebanyakan negara termasuklah Malaysia mengambil tindakan yang drastik bagi mencegah penularan wabak ini. Kerajaan Malaysia melakukan tindakan dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara dan kemasukan pelancong asing ke dalam negara. Penutupan semua institusi pendidikan termasuklah institusi pendidikan rendah, menengah, pra-universiti dan lain-lain. Pelaksanaan PKP menyebabkan berlakunya kejatuhan ekonomi negara. Kerugian yang dialami oleh negara sebanyak RM2.4 bilion sehari sepanjang tempoh PKP memberikan impak yang besar kepada ekonomi rakyat. Rakyat terjejas sumber pendapatan dan hilang pekerjaan kesan daripada pelaksanaan PKP. Bilangan mereka yang terjejas pendapatan dan hilang pekerjaan terus meningkat seterusnya menyebabkan peningkatan kepada bilangan asnaf miskin. Kajian ini bertujuan menjelaskan maksud dan konsep asnaf 'miskin sementara' dan menganalisis bentuk bantuan yang sesuai bagi asnaf 'miskin sementara. Kajian ini juga mencadangkan parameter bagi penentuan asnaf 'miskin sementara' dalam situasi pandemik COVID-19. Bagi mencapai objektif, kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif iaitu melalui metode pengumpulan data dan analisis data. Kajian ini menghasilkan parameter penentuan asnaf 'miskin sementara' untuk situasi pandemik COVID-19. Hasil kajian ini iaitu parameter penentuan asnaf 'miskin sementara' boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada bahagian pentadbiran dan pengurusan zakat di Malaysia.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat yang dianugerahkan dalam menyempurnakan kajian ini. Sekalung penghargaan kepada Prof Madya Dr. Mohd Ashrof Zaki Bin Yaakob selaku penyelia utama dan Dr. Azri Bin Bhari selaku penyelia bersama yang telah banyak membantu dan membimbing sehingga kajian ini berjaya disiapkan. Setinggi penghargaan juga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Rafeah Saidon selaku Ketua Pusat Pengajian Siswazah ACIS UiTM Shah Alam dan seluruh warga ACIS UiTM Shah Alam. Juga penghargaan tertinggi kepada Ustaz Mohammad Farid Bin Mohammad Zainal, Eksekutif Kanan Penyelidikan Syariah Lembaga Zakat Selangor (LZS), Ustaz Mohd Anwarulhaq Bin Sulaiman, Ketua Jabatan Pembangunan Dan Penyelarasan, Divisyen Operasi Agihan Asnaf dan Tuan Haji Abdul Basith Bin Hamid, Ketua Divisyen, Divisyen Operasi Agihan Asnaf LZS serta seluruh kakitangan LZS yang memberikan kerjasama dan bantuan bagi menyiapkan kajian ini. Penghargaan setingginya juga diucapkan kepada Muhammad Fitri Bin Othman selaku majikan dan Guru Besar serta seluruh guru dan kakitangan di Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI) Darul Amilin, Puncak Alam atas bantuan dan sokongan mereka sepanjang saya menyiapkan pengajian ini sambil menjalankan tanggungjawab saya sebagai guru di sekolah ini.

Penghargaan yang istimewa buat ayahanda dan bonda tercinta Hishamuddin Bin Abdul Aziz dan Sharifah Fatimahtul Zuhra Bte Syed Ghalib, serta semua adik beradik dan ahli keluarga. Penghargaan istimewa juga buat rakan-rakan seperjuangan saya yang melanjutkan pengajian pasca siswazah iaitu Laila Aiman Binti Zakaria, Raihan Bin Mohd Isa, Nurfitriyah Salihah, Hikmah Bt Abd Rahim dan rakan-rakan lain yang telah banyak membantu saya. Sekalung penghargaan juga buat Dr. Noor Azzah Binti Said atas segala pertolongan dan tunjuk ajar dalam pelbagai aspek. Setinggi penghargaan juga buat semua yang memberi bantuan secara fizikal dan memberi sokongan yang tidak putus-putus sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

Akhir kata, semoga kajian ini bermanfaat kepada semua pihak khususnya melibatkan pentadbiran dan pengurusan zakat di Malaysia, dan bermanfaat kepada seluruh umat Islam secara umumnya.

Ainina Mardhiyah Binti Hishamuddin

No. 33, Lorong Gugusan Alam 7/5,

42300 Bandar Puncak Alam,

Selangor Darul Ehsan.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
JADUAL TRANSLITERASI	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Definisi Tajuk	12
1.7 Limitasi Kajian	16
1.8 Kepentingan Kajian	16
1.9 Sistematika Penulisan	17
2.0 Kesimpulan	18
BAB 2 KONSEP ASNAF ‘MISKIN SEMENTARA’ DALAM KONTEKS PANDEMIK DAN BENCANA ALAM	19
2.1 Pendahuluan	19
2.2 Konsep Asnaf ‘Miskin Sementara’.	19
2.2.1 Kemiskinan Menurut Perspektif Islam Dan Barat	19
2.2.1.1 <i>Kemiskinan Menurut Perspektif Islam</i>	21
2.2.1.2 <i>Kemiskinan Menurut Perspektif Barat</i>	31

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bab pertama ini, perbincangan dikhususkan kepada pendahuluan kepada kajian yang bertajuk “Parameter Penentuan Asnaf ‘Miskin Sementara’: Analisis Semasa Pandemik COVID-19”. Bab ini dimulakan dengan latar belakang kajian iaitu menjelaskan tentang senario situasi semasa kajian iaitu wabak pandemik COVID-19. Kedua, permasalahan kajian iaitu masalah-masalah yang timbul yang menjadi faktor kepada kajian ini. Ketiga, persoalan kajian iaitu masalah kajian yang dikemukakan dalam bentuk soalan sebagai fokus kepada kajian. Keempat, objektif kajian yang akan menggariskan skop kajian dan gambaran umum dan khusus kepada hasil kajian. Kelima, definisi tajuk iaitu definisi bagi terma-terma yang terdapat dalam kajian yang dijalankan. Keenam, limitasi kajian iaitu had dan batasan bagi kajian yang dijalankan dan menjadikan kajian ini lebih berfokus. Ketujuh, kepentingan kajian iaitu perbincangan tentang keperluan kajian ini dijalankan. Kelapan, metodologi kajian iaitu gambaran tentang metod-metod yang digunakan dalam kajian ini termasuk kaedah induktif, deduktif dan komparatif.

1.2 Latar Belakang Kajian

Wabak pandemik COVID-19, juga dikenali sebagai pandemik koronavirus yang melanda seluruh dunia memberi kesan dalam pelbagai aspek terutamanya aspek ekonomi. Virus COVID-19 ini boleh bermutasi menjadi *Variant Of Interest (VOI)* dan jika jangkitan menjadi lebih meluas, ia akan menjadi *Variant Of Concern (VOC)* seterusnya jika penularan virus COVID-19 tidak dapat dikurangkan walaupun dengan pengambilan vaksinasi, rawatan dan pencegahan, virus COVID-19 ini akan bermutasi menjadi *Variant Of High Consequence (VOHC)* (Mohamed, 2021). Kesan apabila virus COVID-19 ini bermutasi adalah boleh menyebabkan ramai individu dijangkiti seterusnya boleh meningkatkan kadar kematian. Varian VOI yang terdiri daripada varian *Kappa*, varian *Theta* dan varian *Eta*, manakala varian VOC terdiri daripada varian *Alpha*, varian *Beta*, varian *Gamma* dan varian *Delta* (Mohamed, 2021). Varian-varian ini mempunyai sifat-sifat yang berbeza antara satu sama lain dari sudut